

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/JLD12 (39)

KENYATAAN AKHBAR

LENCONGAN JALAN YONG SHOOK LIN PUSAT BANDAR SEKSYEN 52 PETALING JAYA, SEMPERNA PENGANJURAN PJ INTERNATIONAL FAIR 2014

Dimaklumkan bahawa Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar Seksyen 52 Petaling Jaya dan beberapa jalan di sekitarnya akan **DILENCONGKAN** pada semua kenderaan bermula 19 Jun hingga 23 Jun 2014.

Jalan-jalan yang terlibat adalah seperti berikut:-

- i. Lencongan dari Jalan Yong Shook Lin ke Jalan Taman 7/6 dan Jalan RU 7/1 mulai pukul 12.00 tengahari 19 Jun 2014 hingga 6.00 pagi 23 Jun 2014.
- ii. Lencongan Jalan Yong Shook Lin ke Jalan 52/8 mulai 8.00 malam 18 Jun 2014 hingga 6.00 pagi 23 Jun 2014.
- iii. Lencongan Jalan Tengah ke Jalan 52/6, Pusat Bandar Seksyen 52 Petaling Jaya mulai pukul 12.00 tengahari 19 Jun 2014 (Khamis) sehingga jam 6.00 pagi 23 Jun 2014.

LENCONGAN jalan ini ialah sempena **berlangsungnya PROGRAM PJ INTERNATIONAL FAIR 2014** anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bermula 17 Jun 2014 sehingga 22 Jun 2014.

Sehubungan dengan itu, untuk memudahkan orang awam mengunjungi ke Festival ini, pihak Majlis telah menyediakan tempat letak kereta di kawasan seperti berikut, Bangunan MPC, Padang Awam C, Jabatan Pengangkutan Jalan, Bangunan Choy Fook On, Wisma Persekutuan, Bangunan PKNS, IJM, Tempat Letak Kereta Kompleks A, Tempat Letak Kereta Kompleks C, Sungai Jernih, Taman Jaya dan *On Street Parking*.

Untuk keterangan lanjut, orang ramai boleh menghubungi ke talian 03-7956 3544 sambungan 261/262/358 atau ke talian 03-79582327 atau 03-79588085 sambungan 238.

Sekian, dimaklumkan.

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Tarikh : 18 Jun 2014.